

## Tunjuk Ajar Melayu sebagai Pandangan Dunia

Yuhastina Sinaro\* dan Che Ibrahim Salleh

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor Malaysia

### ABSTRAK

Makalah ini membicarakan tunjuk ajar sebagai pandangan dunia (*world view*) bagi orang Melayu yang menjadi sumber pedoman hidup manusia, khususnya dalam pantun. Analisis kontekstual digunakan untuk memahami makna teks tunjuk ajar Melayu dengan metode yang menghubungkan teks dengan tiga hubungan penting dalam logika berfikir dan bertindak dalam alam Melayu. Tiga hubungan tersebut ialah hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, dan manusia dengan Allah selaku pencipta alam semesta. Konsep sosiobudaya tersebut merupakan nilai sosial keagamaan bagi orang Melayu tentang dunianya yang menunjukkan bahawa hubungan tersebut saling memberikan impak dan menjadi prinsip untuk mengasihi antara satu sama lain.

*Kata Kunci:* Melayu, pandangan dunia, pantun, sosiobudaya, tunjuk ajar

### ABSTRACT

*This paper discusses about 'tunjuk ajar' in 'pantun' as a world view concept for the Malays, which function as a source of guidance for human life. Contextual analysis is used to understand the meaning of the Malay 'tunjuk ajar' text through linking the text with three fundamental relationships in logical thinking and action in the Malay world. The three fundamental relationships comprise the relationships between human beings, human dan nature, and human and God as the creator of the universe. This sociocultural concept represents the socio-religious value of the Malay, about the world which indicates the relationships have impact on each other and have become the principal for loving and caring.*

*Keywords:* Malay, 'pantun', sociocultural, 'tunjuk ajar', world view.

### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:  
Dihantar: 10 Ogos 2015  
Diterima: 21 Oktober 2015

#### E-mail:

nainasinaro@yahoo.com (Yuhastina Sinaro),  
cibrahim@upm.edu.my (Che Ibrahim Salleh)

\* Penulis Penghubung

### PENGENALAN

Makalah ini akan mengetengahkan persoalan atau isu yang berkaitan dengan peranan pantun sebagai pewujudan pandangan dunia Melayu. Dalam konteks sosiobudaya

Melayu, pantun sarat dengan ajaran yang diadun dengan bahasa kiasan sebagai panduan untuk generasi yang akan datang. Pemahaman terhadap karya sastra seperti pantun, yang dipandang sebagai salah satu pewujudan pandangan dunia, memerlukan metodologi untuk mentafsirkan makna pantun sebagai ilmu pengetahuan bagi masyarakatnya. Ini demikian kerana pantun merupakan cara berkomunikasi yang tidak berterus terang, tetapi berkias sebagai “*beating about the bush phenomenon*” (Wan Ab Kadir Wan Yusoff, 1996, ms.7). Dari segi penggunaannya, pantun lebih disyaratkan oleh kehendak sosial yang membawa nilai kemasyarakatan. Tunjuk Ajar Melayu merupakan kumpulan pantun masyarakat Islam Melayu. Sejarah Islam dan hubungannya dengan pantun telah dihujahkan oleh Sir Richard Winstedt. Beliau telah menganalisis pantun secara mendalam (Winstedt, 1977, ms.178-207).

Masyarakat Melayu yang beragama Islam memiliki hasil kebudayaan berupa pantun yang diekspresikan oleh mereka secara lisan. Secara metodologi, pantun dapat dikaji dari sudut pandangan Islam. Al-Faruqi (1983, ms.34-38) menghujahkan bahawa prinsip pertama yang penting dalam metodologi Islam ialah “*the unity of Allah; the unity of creation; the unity of truth and the unity of knowledge; the unity of life; and the unity of humanity*”. Al Faruqi berhujah bahawa dalam penganalisan fenomena, kebudayaan dan agama bukanlah sebagai dualisme. Ini bermakna, fikiran dan tindakan bukanlah dua aspek yang terpisah, tetapi kesatuan yang mempengaruhi satu sama lain. Hal ini menurutnya dapat terjadi kerana akal dan wahyu (bersumberkan Al-Quran) terkait secara terus menerus sehingga bukanlah entiti yang terpisah dan menjadi dasar bagi pengetahuan dan metodologinya.

Pengetahuan dan bahasa juga merupakan satu kesatuan. Bahasa dalam hal ini, merupakan perantara untuk menyampaikan pesan yang berasaskan pengetahuan daripada individu yang satu kepada yang lainnya dalam suatu masyarakat, dalam bentuk bunyi yang bersifat simbolik. Dalam hal ini, terdapat hubungan antara penghasil bahasa dengan penerima bahasa. Peristiwa kebahasaan tersebut merupakan proses transmisi gagasan, warisan buah fikir yang dijadikan saranan ideal. Pemahaman tentang gagasan di sebalik bahasa akan menghasilkan tanggapan bagi penerimanya, sama ada gagasan itu diterima atau ditolak. Apabila diterima, maka gagasan akan disepakati dan disebarluaskan sebagai pengetahuan bersama, yang kemudian akan diteruskan daripada satu generasi kepada generasi yang lainnya, membentuk pandangan dunia (*world view*) yang menjadi sumber tunjuk ajar untuk menuntun kehidupan manusia. Ini bererti bahawa tunjuk ajar memiliki sistem nilai yang berisi etika, moraliti, pilihan hidup, prioriti hidup yang digunakan oleh individu, kelompok mahupun masyarakat untuk mencapai sesuatu yang diharapkan secara bersama.

Objektif kajian ini, untuk menghuraikan ajaran penting tunjuk ajar Melayu yang tersurat dan tersirat dalam pantun, dalam konteks sosiobudaya Melayu. Kaedah kepustakaan digunakan untuk memperoleh bahan dan data kajian, dan kaedah analisis teks untuk huraian.

## **SOSIOBUDAYA MELAYU**

Vygotsky (1986) menjelaskan betapa pentingnya aspek sosiobudaya. Beliau menjelaskan bahawa seorang individu tidaklah dapat dikaji secara sendirian, namun, haruslah dikaitkan dengan konteks dunia sosiobudaya di sekitarnya sebagai tempat individu tersebut berkembang. Sistem sosiobudaya tersebut terdiri daripada persekitaran berupa

masyarakat yang bergaul dan berhubungan satu sama lain, dan membentuk struktur sosial berdasarkan peranan dan statusnya. Aspek kebudayaan, dalam pandangan Faruqi (1986), tidaklah terpisah dengan agama (*din*). Dalam pandangan ilmu sosial moden, kebudayaan dipandang sebagai konstruksi sosial. Ini demikian kerana dalam kebudayaan, terdapat unsur *akal, fikiran, pengertian, kefahaman, pendapat, perasaan, ikhtiar, kekuatan, kesanggupan* dan *kemampuan*. Dari sudut tersebut, ilmu pengetahuan moden menjadi terpisah dengan agama, kerana agama bukanlah konstruksi sosial, namun, merupakan kebenaran wahyu dari sudut pandang Faruqi (1986, ms.34-38), sehingga kebudayaan dan agama bukanlah dualisme. Dalam konteks masyarakat Melayu yang menghasilkan pantun, sesungguhnya kewujudan kesatuan antara hasil kebudayaan (dalam hal ini pantun) dengan agama begitu jelas. Ini bererti, aspek agama dalam pantun merupakan aspek sosiobudaya yang penting dan memberikan pengaruh terhadap sistem nilai (pengetahuan) yang berlaku untuk menjadi panduan dan tindakan.

Aspek budaya dalam hal ini memiliki dua sifat, iaitu yang bersifat benda dan bukan benda. Aspek sosiobudaya bukan benda merupakan gagasan, norma atau nilai (ketentuan atau peraturan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat), termasuk agama yang digunakan untuk menuntun kehidupan manusia. Budaya juga membawa pengertian sikap dan pandangan hidup, serta unsur peradaban (Asmah Haji Omar, 2005, ms.2). Tunjuk ajar Melayu ialah salah satu contoh budaya bukan benda, yang menjadi pedoman bagi manusia untuk memiliki gagasan yang sesuai dengan nilai ideal yang diharapkan untuk menjadi manusia yang mulia dan bermaruah seperti yang diajarkan oleh agama Islam. Sementara itu, aspek material merupakan hasil karya berupa benda kreatif manusia yang didasarkan pada tunjuk ajar yang berlaku pada masyarakat Melayu sehingga benda material tersebut tidak bertentangan dengan tunjuk ajar yang berlaku. Dengan demikian, tunjuk ajar sesungguhnya merupakan cara pandang (*world view*) tentang dunia dalam konteks Melayu.

Budaya yang mengandungi sistem nilai menjadi asas penting untuk berperilaku berdasarkan kesepakatan bersama. Menurut Koentjaraningrat (1979), rangkaian sistem budaya meliputi tujuh unsur, iaitu sistem keagamaan (yang terdiri daripada sistem kepercayaan, nilai dan pandangan hidup, komunikasi keagamaan serta upacaranya), sistem kemasyarakatan dan organisasi sosial (yang meliputi kekerabatan, sistem kenegaraan, sistem kesatuan hidup, dan asosiasi), sistem pengetahuan (pengetahuan tentang alam raya, manusia, flora dan fauna, waktu dan ruang, serta matematika), sistem bahasa (lisan dan tulisan), sistem kesenian (seni reka bentuk, sastera, suara, musik, dan lukis), sistem teknologi dan peralatan (transportasi, komunikasi, pakaian, dan rumah), sistem mata pencarian hidup atau ekonomi (Koentjaraningrat, 1979, ms.203-204).

Dalam hal ini, sistem nilai orang Melayu, salah satunya terdapat dalam pantun Melayu. Pantun merupakan puisi tertua dalam tradisi budaya Melayu yang menggambarkan kepelbagaian fenomena gejala jiwa dan jati diri bangsa Melayu. Fenomena ini dijemakan dalam pelbagai cara, sama ada untuk menengahkan idea atau perasaan, atau untuk maksud sindiran, jenaka, hiburan dan nasihat secara tersurat dan tersirat, sesuai dengan anak-anak, remaja, antara generasi. Isi pantun ialah tunjuk ajar untuk berhubungan dalam kehidupan di dunia ini, apakah berhubungan dengan sesama manusia, sesama makhluk

Allah, manusia dengan alam sekitar, dan hubungan manusia dengan sang pencipta alam semesta, Allah. Pantun ialah khazanah budaya yang amat tinggi nilainya. Dalam pantun, tergambar bagaimana tingginya peradaban Melayu tentang ilmu pengetahuan. Dalam pantun, terkandung ilmu pengetahuan tentang alam, adat dan adab yang memiliki budi bahasa yang halus dan tinggi.

Pantun memberikan arahan asas kepada manusia untuk berperilaku dalam kehidupan sehari-hari. Para leluhur yang menciptakan pantun memiliki penguasaan ilmu pengetahuan yang amat luas. Mereka menguasai unsur dan fenomena alam, dan juga ilmu geografi untuk mengetahui lokasi dan nama kampung, kota, gunung, sungai, pantai, tasik, laut, termasuk ciri topografi (laut yang banyak karang, laut yang cetek/dalam, pantai yang pasir putih) serta fungsinya. Pencipta pantun juga harus memiliki pengetahuan tentang sejarah, adat, agama, falsafah dan ilmu pengetahuan lainnya (Noriah Taslim, 2010, ms.63-72). Pelbagai pengetahuan tersebut kemudian diungkapkan melalui bahasa yang indah dan memiliki rima untuk memudahkan pendengar dalam mengingat syair demi syair, berlogika ketika merumuskan pantun, dan juga memberikan ruang bagi pendengarnya untuk berfikir dan mentafsirkan pengetahuan yang ada di dalamnya.

Menurut Muhammad Haji Salleh (2014, ms.8), pantun merupakan wujud puisi lisan. Lebih lanjut beliau juga menghujahkan bahawa suara pantun yang diucapkan “menghidupkan muzik bahasa yang terjalin dalam bahasa itu”. Dalam hal ini menurutnya, pemantun memberikan warna pribadi terhadap pantun yang disuarakannya, dan suara tersebut membina kembali pantun berdasarkan tafsiran suara peribadi yang melagukannya (Muhammad Haji Salleh, 2014, ms.10). Pantun juga memiliki kandungan ilmu pengetahuan tentang alam yang terbentang dari gunung, daratan, lautan, dan langit, serta bulan, matahari dan bintang. Ilmu pengetahuan tentang alam yang dipantunkan sesungguhnya juga merupakan cara masyarakat untuk mengingat ilmu pengetahuan melalui cara lisan.

Pantun merupakan bentuk kebudayaan yang dikenal masyarakat Nusantara, bahkan banyak mengilhami sasterawan dalam berkarya. Menurut Afrizal Malna (2014), karya Sitor Situmorang misalnya, sangat terilhami oleh bentuk pantun tentang alam seperti pada masyarakat Minangkabau yang disebut sebagai *patuntun*, kemudian pada masyarakat Sunda disebut *paparikan*, dan pada masyarakat Jawa disebut *parikan*. Menurut Ding Choo Ming (2012, ms.268-269), pantun berakar pada tradisi dan budaya Melayu dalam konteks regional masyarakat Nusantara, yang menjadi medium untuk mengekspresikan gagasan dan pelbagai hal yang bersifat individual, baik oleh individu mahupun komunitinya.

Pantun diekspresikan secara lisan dalam majlis berbalas pantun untuk pernikahan, sunatan, dan pelbagai acara adat lainnya yang diselenggarakan oleh masyarakat. Pantun merupakan tradisi lisan yang disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi berikutnya untuk memberikan tuntunan (panduan hidup) dalam kehidupan sehari-hari. Dalam tradisi ini, kemampuan untuk mengingat sangatlah penting. Ingatan tersebut bukan hanya ingatan individual, namun juga ingatan kolektif masyarakat, kemudian sistem nilai juga dirakam, sekali gus dilakukan melalui proses berpantun secara aktif dalam masyarakat sehingga nilai yang ada dalam pantun disebarluaskan ke seluruh anggota masyarakat. Pantun ialah tunjuk ajar, yang berisi segala jenis petuah, petunjuk, nasihat, amanah, pengajaran dan contoh teladan yang bermanfaat bagi kehidupan manusia dalam arti luas (Tenas Effendy, 2006, ms.7-8).

### **AJARAN PENTING TUNJUK AJAR MELAYU**

Tenas Effendy (2006), mengatakan bahawa Tunjuk ajar Melayu mempunyai tiga (3) kategori hubungan penting untuk menuntun arah kehidupan manusia. Pertama, hubungan manusia dengan Tuhan; kedua, hubungan manusia dengan manusia; ketiga, hubungan manusia dengan alam. Ajaran ini berpandukan ajaran Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis. Untuk memahami ketiga-tiga aspek hubungan tersebut, kajian ini akan menganalisis satu persatu berdasarkan urutannya. Tunjuk ajar yang menuntun kehidupan manusia berdasarkan hubungannya dengan Allah, salah satunya dapat kita lihat daripada pantun di bawah ini:

*Apa tanda Melayu jati,  
dengan Islam ia bersehati*

*Apa tanda Melayu bertuah  
hidup bertakwa kepada Allah*

*Apa tanda Melayu berakal,  
di dalam Islam ia beramal*

*Apa tanda Melayu pilihan,  
hidup matinya dalam beriman*

*Apa tanda Melayu benar,  
kepada Islam ia bersandar*

(Tenas Effendy, 2006, ms.33-35)

Pantun di atas menunjukkan bahawa dalam hubungan antara manusia dengan Allah, akal fikiran merupakan hal yang paling penting untuk memahami ajaran agama. Akal sebagai sumber pengetahuan diyakini sebagai pemberian Allah sang pencipta alam semesta yang berfungsi untuk memahami dunia sekeliling dan juga keberadaan Allah. Dalam memahami keberadaan Allah melalui ajaran agama, akal digunakan untuk memahami kalam Allah dalam Al-Quran, kerana ia ialah petunjuk untuk memahami pelbagai hubungan yang terkait antara satu sama lain, terutama dengan manusia. Pemahaman tersebut kemudian akan membawa kepada terbentuknya iman terhadap Islam. Iman diertikan bahawa sebagai manusia haruslah bersandar kepada Islam dalam pengertian Islam sebagai jalan untuk mencapai keselamatan yang mulia dan bermaruah. Jalan yang Islami tersebut adalah menghargai hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam semesta kerana semuanya itu ialah amanah ajaran agama. Dalam hal ini, amanah tersebut diwujudkan dalam bentuk pantun tunjuk ajar Melayu.

Hubungan antara manusia dengan manusia dalam tunjuk ajar Melayu, dapat dikategorikan menjadi dua aspek penting. Pertama, ialah hubungan dalam keluarga, dan kedua, ialah hubungan dalam kehidupan bermasyarakat. Contoh hubungan dalam keluarga dapat kita lihat daripada pantun yang berupa petua dan amanah daripada orang tua kepada orang muda (anak). Dalam tradisi budaya Melayu, petua dan amanah yang disampaikan daripada orang tua kepada anak agar anak tersebut menjadi manusia yang berperilaku yang baik terhadap sesama mereka. Baik buruknya anak amat erat kaitannya dengan pendidikan

daripada orang tua, keluarga dan masyarakatnya. Contoh pantun tersebut adalah seperti yang berikut ini:

*Elok anak karena emak,  
baik anak karena bapak  
Adat menjadi orang tua,  
Wajib memberi petuah amanah  
Sebelum anak bertambah besar,  
Wajib diisi tunjuk ajar  
Kalau anak hendak jadi orang,  
Tunjuk ajarnya janganlah kurang*

(Tenas Effendy, 2006, ms.467)

Pantun di atas bukan hanya menunjukkan hubungan antara orang tua dengan anak, namun juga terkandung pengetahuan yang bersifat turun temurun daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Tradisi memberikan petua dan amanah ialah bahagian daripada budaya Melayu dalam menjaga nilai yang penting untuk kehidupan. Tradisi ini bertujuan untuk mewariskan nilai luhur kepada generasi penerus. Petua dan amanah ini lazimnya disampaikan secara langsung dengan membuka peluang untuk berdiskusi sehingga mengembangkan pemikiran generasi belia. Ini menunjukkan bahawa budaya Melayu juga memiliki karakter terbuka, sehingga menerima soal jawab meskipun itu datang daripada kaum lebih muda. Petua dan amanah juga disampaikan oleh orang tua ketika anak akan pergi merantau sebagai bekal dalam kehidupan bermasyarakat. Meskipun petua dan amanah ini berupa nasihat orang tua kepada anak, yakni hubungan manusia dengan manusia, petua di bawah ini juga mengandungi ajaran tentang hubungan manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam.

*wahai anak dengarlah petuah  
kini dirimu besar panjang  
umpama burung dapat terbang  
umpama kayu sudah berbatang  
umpama ulat mengenal daun  
umpama serai sudah berumpun  
tapi walaupun begitu,  
banyak petuah yang belum tahu  
banyak amanah yang belum ditimba  
banyak pengajar belum kau dengar  
banyak petunjuk belum kau sauk  
banyak kaji belum terisi  
maka sebelum engkau melangkah  
terimalah petuah dengan amanah  
supaya tidak tersalah langkah*



*supaya tidak terlanjur lidah  
apalah petuah amanah hamba  
petuah amanah orang tua-tua  
yang berketurunan jadi pusaka  
yang dipakai nenek moyang kita  
yang mengandung syarak dan sunnah  
yang mengandung adat lembaga  
ada undang dengan hukumnya  
apa pula pantang larangnya  
  
petuah amanah jadikan bekal  
ke mana pergi jangan kau tingga;  
peganglah dengan hati yang pukal  
supaya kelak tidak menyesal  
  
petuah amanah hamba sampaikan  
melepaskan hutang meringankan beban  
supaya tidak jadi sesalan  
mana yang elok engkau kerjakan  
  
sebelum engkau melangkah pergi  
luruskan niat di dalam hati  
kebaikan juga engkau cari  
kepada Allah berserah diri*

(Tenas Effendy, 2006, ms.468-469)

Pantun di atas pada baris pertama mengajarkan kepada anak tentang erti kedewasaan dan kemandirian dengan mengambil contoh kepada alam. Hal ini juga bererti sang anak juga diajarkan untuk memperhatikan lingkungan alam. Alam dalam dunia Melayu, kerana ciptaan Allah, dipandang memiliki pesan kepada manusia. Oleh sebab itu, berhubungan dengan alam pun memerlukan pengetahuan yang mendalam untuk memahaminya. Kemudian, pantun baris kedua dan ketiga menjelaskan bahawa meskipun alam sudah memberikan tanda, tetapi belum tentu orang memahaminya. Oleh sebab itu, perlu memiliki kepekaan rohaniah atau ilmu rohaniah untuk memahami alam. Lebih lanjut, pada baris keempat dan kelima mengandung ajaran tentang hubungan manusia dengan manusia, khususnya belajar daripada orang yang telah berpengalaman dalam kehidupan, iaitu atuk, ayah dan ibu. Ini juga bermakna, kita menghargai ilmu pengetahuan orang yang lebih berpengalaman dalam hidup. Baris ke enam sampai kesembilan mengandung ajaran tentang hubungan manusia dengan Tuhan untuk hidup di jalan yang diredai oleh Allah. Secara keseluruhan, pantun tersebut di atas memiliki kandungan yang berasaskan konsep *habluminalam*, *habluminanas*, dan *habluminallah*, yang bersumberkan Al-Quran.

Dalam konteks hubungan manusia dengan manusia yang merupakan bahagian daripada kehidupan bermasyarakat, pantun juga memberikan panduan tentang berbudi bahasa. Adat Melayu mengutamakan perilaku berbudi bahasa, tidak mengira waktu, tempat, keturunan dan bangsa. Budi ialah perilaku yang baik, manakala bahasa ialah wahana yang indah, yang membawa perutusan yang indah pula (Muhammad Ariff Ahmad, 2007, ms.69). Keadaan ini

dijelmakan dalam ungkapan ‘*yang baik budi, yang indah bahasa*’, ‘*bahasa jiwa bangsa*’, ‘*bahasa menunjukkan bangsa*’, dan sebagainya. Nilai budi dan bahasa adalah setara, seperti kuku dengan isi, yang amat erat dan mesra. Budi merangkumi segala perilaku manusia, sedangkan bahasa bersifat unik lagi bitara, menyerlahkan elemen estetika dan ketuntasan jiwa bangsa. Dari kaca mata Melayu, yang baik ialah sifat terpuji, dan yang indah ialah perhiasan sejati dan abadi. Kedua-duanya sama mulia dan suci murni. Apabila budi dan bahasa dibaurkan dan digembleng bersama, maka budi bahasa merupakan manifestasi peribadi insan Melayu. Fenomena ini dijelmakan dalam ungkapan ‘*budi bahasa tak dijual beli*’, yang bermaksud nilai atau harga budi dan bahasa tidak terpermanai (terlalu banyak, tidak terkira jumlahnya). Tidak terkira oleh dacing dan kati. Sehingga dikatakan ‘*hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati*’ atau ‘*hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga*’.

Salah satu ciri orang Melayu adalah suka menanam budi dan membalas budi. Bahawa sebaik-baiknya manusia ialah manusia yang tahu berbudi dan tahu membalas budi. Budi tidak dapat dibalas seperti membayar hutang benda atau wang. Jika seseorang telah termakan budi maka seumur hidup akan selamanya terhutang hingga akhirat. Mengikut Hashim Musa (2008, ms.2), seseorang yang berhati budi mulia ialah seorang budiman yang memiliki budi pekerti yang mulia, budi bahasa yang halus, budi bicara yang bernas, dan hati yang tinggi dan luhur, yang pemurah, penyayang dan suka berbakti, adalah sangat berguna dan bermanfaat kepada individu lain dan masyarakatnya. Oleh sebab itu, hutang budi haruslah diingat dan tidak baik jika dikhianati. Pantun tersebut seperti berikut ini:

*Hutang emas dibayar emas  
Hutang budi dibawa mati  
Mati semut karena gula  
Mati Melayu karena budi  
Apa tandanya Melayu jati,  
Bertanam budi sebelum mati  
Termakan budi ianya mati  
Apa tanda Melayu jati,  
Hidup ikhlas menanam budi  
Apa tanda Melayu jati,  
Elok perangai mulai pekerti  
Sakit senang menanam budi  
Apa tanda Melayu jati,  
Hidupnya tahu membalas budi  
Apa tanda Melayu jati,  
membalas budi sampailah mati*

(Tenas Effendy, 2006, ms.188-189)

Pantun tentang balas budi di atas, sesungguhnya bukanlah sekadar menuntun hubungan manusia dengan manusia semata, namun, kerana manusia ialah ciptaan Allah, maka masalah balas budi juga secara automatik terkait dengan keberadaan Allah, bukan hanya



manusia. Perilaku membalas budi amat penting demi menyemai dan memupuk jati diri, sahsiah dan keperibadian dengan mengambil kira aspek budi pekerti dan adat sopan yang mulia, budi bahasa dan budi bicara yang santun, indah, bernas dan berwibawa, hati budi dan akal yang tinggi dan bijaksana (Rozita Che Rodi & Hashim Musa, 2014, ms.269). Penegasan akan pentingnya hubungan dengan Allah tampak selalu ditegaskan dalam setiap pantununjuk ajar Melayu. Hati budi yang luhur dalam masyarakat Melayu mempunyai nilai dan citra yang tinggi. Nilai dan citra yang tinggi ini ditonjolkan dalam ungkapan pantun berikut:

*wahai ananda ibu bermadah  
membalas budi janganlah lengah  
budi termakan hutang tak sudah  
balas olehmu karena Lillah*

*wahai ananda intan dikarang  
bertanam budi janganlah kurang  
kalau termakan budinya orang  
balas olehmu pagi dan petang*

*wahai ananda mustika ibu,  
membalas budi hendaklah tahu  
budi yang mulia tempat bertumpu  
perbuatan baik jadi amalmu*

*wahai ananda perbanyaklah budi,  
tetapi jangan minta dipuji  
ikhlas dan rela dalam memberi  
supaya amalmu Allah ridhoi*

(Tenas Effendy, 2006, ms.396-399)

Sementara itu, dalam konteks hubungan seorang individu dalam masyarakat,unjuk ajar Melayu juga memberikan pengetahuan yang sangat demokratis. Pengertian demokratis dalam hal ini haruslah diletakkan dalam pengertian musyawarah, muafakat, dan berunding untuk mengambil keputusan demi kepentingan bersama. Ini bererti, prinsip demokrasi dimiliki oleh bangsa Melayu yang berdasarkan ajaran agama Islam. Dalam beberapa hal dasar, demokrasi tersebut memiliki titik temu dengan prinsip demokrasi Barat yang sekarang ini menjadi asas berpolitik secara moden. Meskipun demikian, ada perbezaan besar dan penting antara kedua-duanya. Perbedaannya ialah demokrasi Barat berpinsip pada prinsip “kalah dan menang” melalui pengambilan suara. Sementara itu, demokrasi dalam masyarakat Melayu lebih menunjukkan prinsip “menang dan menang” melalui proses musyawarah sehingga mewujudkan keputusan bersama. Ini juga bererti, masyarakat Melayu ialah masyarakat yang demokratis jauh sebelum demokrasi Barat digunakan sebagai asas untuk berpolitik. Masyarakat Melayu juga bersifat ceria, luwes dan terbuka. Ertinya tidaklah serius dan emosional. Prinsip tersebut dapat kita hayati daripada pantun berikut ini:

*apa tanda Melayu bermalwah,  
dalam berunding ia berlembut lidah  
apa tanda Melayu bermalwah,  
dalam mufakat ia amanah  
apa tanda Melayu bermalwah,  
memegang teguh hasil musyawarah  
apa tanda Melayu berilmu  
adat musyawarah ianya tahu  
apa tanda Melayu berilmu,  
sebelum berbuat, mufakat dahulu*

(Tenas Effendy, 2006, ms.254-258)

Prinsip yang demokratis itu bukanlah dimonopoli oleh generasi tua, namun juga menjadi petua bagi generasi muda. Ini bererti, reproduksi nilai sosial tentang pentingnya musyawarah, muafakat dan berunding juga perlu untuk dilakukan oleh generasi muda sebagai penerus masyarakat dan nilai Melayu. Prinsip demokratis untuk generasi muda tersebut dapat kita lihat daripada pantun berikut ini:

*wahai ananda dengarka0,5s.259-261)*

Berdasarkan pantun di atas, tunjuk ajar Melayu mengajarkan bagaimana seseorang individu berpolitik secara benar dan bermalwah. Berpolitik secara bermalwah adalah melaksanakan strategi secara benar dan halal, dengan tidak mencelakakan atau untuk mengalahkan pihak lain melalui cara yang tidak bermalwah seperti fitnah. Memfitnah pihak yang menjadi lawan politik sama sekali tidak dibenarkan dan merupakan perbuatan yang diharamkan. Ini ialah dasar berfikir “menang dan menang” dalam pengertian tidak menyakiti dan tidak merendahkan (mengalahkan) salah satu pihak dalam perbezaan politik. Prinsip politik bangsa Melayu adalah berunding, bermuafakat dan bermusyawarah secara mulia bukan dengan cara pengambilan suara secara perseorangan. Ini bererti, kebersamaan bagi bangsa Melayu lebih penting dibandingkan dengan perseorangan. Di sinilah letaknya perbezaan yang mendasar dengan prinsip berpolitik Barat yang berasaskan kepentingan perseorangan atas kebersamaan. Oleh sebab tujuannya adalah untuk kebersamaan, maka berpolitik dengan fitnah atau mengada-ada cerita tentulah bukan merupakan tunjuk ajar Melayu, kerana tunjuk ajar memberikan ajaran untuk berfikir secara benar dan jujur sehingga berkata dan bertindak pun juga secara benar dan jujur. Kebenaran dan kejujuran tersebut bertujuan untuk mencapai kemuliaan yang bermalwah bukan sekadar pemenuhan kepentingan yang bersifat perseorangan.

Selain hubungan manusia dengan manusia dalam konteks keluarga dan masyarakat, tunjuk ajar Melayu juga mengajarkan bagaimana orang Melayu menghargai alam semesta yang berhubungan erat dengan kita, kerana menghargai alam semesta itu ertinya menjalankan cara kehidupan yang *rahmatan lil alamin* (kasih sayang untuk seisi alam) sesuai dengan ajaran Islam. Hal ini penting kerana alam semesta juga menyediakan bahan yang penting untuk kehidupan manusia. Oleh sebab itu, sebagai orang Melayu, kita pun perlu dan wajib untuk menghargai alam. Keserakahan untuk menguasai alam sangatlah

bertentangan dengan tunjuk ajar Melayu, kerana keserakahan untuk menguasai alam hanya akan menghasilkan bencana bukan sahaja bagi manusia itu sendiri, namun juga makhluk lain mahupun kerosakan bagi benda yang tidak bernyawa yang ada di sekitar manusia. Tunjuk ajar yang menunjukkan pentingnya kita sebagai orang Melayu untuk menghargai alam semesta dapat kita hayati daripada pantun berikut ini:

*tanda orang memegang adat,  
alam dijaga, petuah diingat  
tanda orang memegang amanah,  
pantang merusak hutan dan tanah  
tanda orang berfikiran panjang,  
merusak alam ia berpantang  
tanda orang berbudi pekerti,  
merusak alam ia jauhi  
tanda ingat ke anak cucu,  
merusak hutan hatinya malu*

(Tenas Effendy, 2006, ms.664)

Pantun di atas jelas sekali menunjukkan bahawa kita tidak boleh merusak hutan, kerana hutan merupakan manifestasi kasih sayang Allah kepada manusia dan makhluk hidup lainnya. Merusak hutan akan mengganggu keseluruhan sistem ekologi yang dapat membawa bencana. Banjir yang melanda beberapa wilayah di Malaysia pada penghujung 2014 dan awal 2015 diduga tidak terlepas daripada tindakan merusak hutan. Menurut berita yang disiarkan oleh Mongabay, NASA (National Aeronautics and Space Administration) telah mengenal pasti bahawa perusakan hutan di Malaysia pada perempat tahun pertama 2014 meningkat mencapai 150% (“Nasa detects surge”, 2014).

Perusakan hutan itu menunjukkan bahawa ada individu yang tidak memegang amanah untuk menjaga hutan dengan penuh kasih, tidak lagi memegang adat dan tunjuk ajar Melayu, tidak berbudi pekerti, tidak berfikiran panjang, sehingga kerosakan alam terjadi. Akibatnya, bencana yang membawa mangsa manusia mahupun kehidupan lainnya pun terjadi dan menyengsarakan banyak pihak. Bahkan anak cucu pun menjadi mangsa kerana masa depannya telah dihadapkan dengan kerosakan alam.

Oleh sebab itu, tunjuk ajar Melayu pun menyedarkan kita semua, sebagai bangsa Melayu Islam, kita harus berlaku sebagai khalifah tidaklah menyalahkan alam, namun haruslah menyalahkan diri sendiri kerana telah melanggar amanah nenek moyang agar tidak merusak hutan mahupun merusak alam seperti yang dapat kita hayati dalam tunjuk ajar berupa pantun di bawah ini.

*siapa sadar dirinya khalifah,  
terhadap alam takkan menyalah  
beramu tidak merusak kayu  
berotan tidak merusak hutan  
bergetah tidak merusak rimba  
berumah tidak merusak tanah*

*berkebun tidak merusak merusak dusun  
berkampung tidak merusak gunung  
berladang tidak merusak padang*

(Tenas Effendy, 2006, ms.666)

Sesungguhnya tunjuk ajar Melayu yang merujuk pada surat Ar-Rahman mengajarkan kita untuk menikmati pemberian Allah dengan menghargai alam semesta dan dengan tidak mendustakan nikmat yang diberikan Allah kepada umat manusia. Ketika meramu kayu, kita pun tidak diperbolehkan merusak kayu, ini bererti kita diharuskan untuk mengambil kayu yang telah jatuh dan kering, bukan merusak kayu yang masih hidup. Ketika mengambil rotan, kita pun tidak boleh merusak hutan. Ketika kita mengambil getah tidak boleh kita merusak rimba. Ketika kita membina rumah kita pun tidak boleh merusak tanah. Gunung dan padang pun harus dijaga, meskipun kita berladang dan berkampung di atas gunung. Apa yang terjadi sekarang ini, banyak gunung yang diratakan untuk perumahan moden. Hutan pun kita habisi ketika manusia memerlukan tempat untuk mereka hidup. Manusia Melayu moden banyak yang melupakan tunjuk ajar Melayu, sehingga bencana pun kita peroleh kerana terlupa dan lalai untuk menghargai alam semesta secara baik.

## **KESIMPULAN**

Tunjuk ajar berupa pantun telah mewarnai kehidupan masyarakat Melayu dini. Pantun juga memiliki pengetahuan yang luar biasa kerana menjelaskan kepada bangsa Melayu bahawa sebagai seorang manusia, ia tidaklah berdiri sendiri, namun terkait dengan manusia lainnya, alam semesta dan Allah. Dengan demikian, tunjuk ajar Melayu menjelaskan bahawa manusia itu hidup bermasyarakat serta berhubungan dengan makhluk hidup lain, termasuklah benda yang tidak bernyawa seperti hutan, gunung, sungai dan laut. Ini menunjukkan bahawa masyarakat dini belajar daripada alam, yang kemudiannya dijelmakan melalui pemikiran yang tinggi dan mendalam. Isinya padat dan kemas serta menggambarkan kehalusan dan keprihatinan masyarakat Melayu terhadap alam dan budaya, bukan setakat alam rasa, tetapi menjangkau nilai budi dan pandangan sarwa. Keadaan ini menjadikan pantun bukan sahaja menyatakan keindahan penyusunan kata, malahan pantun menyatakan manifestasi minda masyarakat.

Selain itu, perhubungan dengan Allah sebagai sang pencipta alam semesta beserta isinya merupakan rahmat bagi seluruh makhluk hidup dan alam semesta. Oleh sebab semua bentuk hubungan tersebut merupakan *rahmatan lil alamin*, maka perilaku manusia haruslah memuliakan sesama manusia dan ciptaan Allah lainnya yang bertujuan bukan semata-mata untuk kepentingan manusia tetapi juga untuk kepentingan seluruh isi alam semesta.

## **BIBLIOGRAFI**

- Afrizal Malna. (22 Disember 2014). Sitor Situmorang: Ilmu alam di bawah kata. *Harian Indoprogress* 2014. Dicapai melalui [www.indoprogress.com](http://www.indoprogress.com)
- Al-Faruqi, Ismail Raji, (1983). *Al-Tawheed; Its implications for thought and life*. Kuala Lumpur: International Islamic Federation of Student Organization.
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*. 3/2005, 1-3.

- Ding Choo Ming. (2012). *Kajian baru pengarang manuskrip & kreativiti pantun Melayu*. Bangi: Institut Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Koentjaraningrat. (1979). *Pengantar ilmu antropologi*. Jakarta: Aksara Baru.
- Muhammad Ariff Ahmad. (2007). *NILAM: Nilai Melayu Menurut Adat*. Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Muhammad Haji Salleh. (2014). *Ghairah dunia dalam empat baris: Sihir pantun estetikanya*. Kuala Lumpur: PTS Akademia.
- Nasa detects surge in deforestation in Malaysia, Bolivia during first quarter of 2014 (21 April 2014). Dicapai melalui [news.mongabay.com/2014/0421-glofdas-2014q1.html](http://news.mongabay.com/2014/0421-glofdas-2014q1.html).
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozita Che Rodi & Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu bahasa negara bangsa Malaysia”, *Mahawangsa: Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*. 1(2), 257-272.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Vygotsky, L. (1986). *Thought and language*. Massachusetts: The MIT Press.
- Wan Ab Kadir Wan Yusoff (Peny.). (1996). *Pantun manifestasi minda masyarakat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Winstedt, Sir Richard. (1977). *A History of classical Malay literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.